

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 19 JANUARI 2022 (RABU)**



PM arah percepat fasa 2 sistem amaran banjir

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Januari 20, 2022 @ 1:25pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah menganjurkan agensi yang bertanggungjawab supaya mempercepat pembangunan Fasa Kedua Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang diuruskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), membabitkan 38 lembangan sungai utama seluruh negara bagi membolehkan ramalan awal banjir yang lebih tepat dikeluarkan.

Perdana Menteri berkata, dari segi hebahan kepada orang awam, kaedah terbaik dan terpantas untuk mengeluarkan amaran awal dan arahan bersedia khususnya kepada penduduk di kawasan rendah dan berisiko banjir perlu ditambah baik, seperti menggunakan aplikasi WhatsApp dan 'push notification' melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi.

Selain itu katanya, penghasilan visual simulasi banjir dan infografik juga perlu diberi perhatian, yang boleh disebar luas melalui media massa dan media sosial.

"Bagi penyediaan makanan kepada mangsa banjir pula, penggunaan teknologi retort atau makanan sedia dimakan boleh diguna pakai untuk diedarkan kepada mangsa banjir kerana kaedah pembungkusan itu lebih tahan lama dan kalis air.

"Pengerusi dan agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap peringkat perlu mahir dan memainkan peranan masing-masing selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No 20.

"Sudah tiba masanya kita juga memperkasa peranan dan sumbangsih organisasi masyarakat sivil (CSO) dalam pengurusan bencana serta mengalu-alukan pembabitan mereka, yang jika

dilakukan secara terselaras, dapat melancarkan lagi proses penyampaian bantuan kepada mereka yang terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan penerangan berhubung Bantuan Bencana Banjir pada Mesyuarat Khas Parlimen di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, pemerkasaan komuniti perlu dipertingkat bagi mewujudkan masyarakat yang berdaya tahan terhadap bencana dan berperanan sebagai 'first responder', dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata.

Aspek pengurangan risiko bencana (DRR) juga tidak boleh dipandang remeh dan perlu ditambahbaik secara pendekatan masyarakat yang menyeluruh serta diterapkan dalam segenap aspek meliputi pembangunan, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

"Pengurusan bencana adalah urusan semua pihak. Komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam adalah kunci yang perlu dilaksanakan secara berterusan bagi membentuk budaya perkongsian tanggungjawab, termasuk dalam DRR.

"Selain itu, pihak berkuasa tempatan perlu sentiasa memainkan peranan seperti memastikan saluran longkang monsun khususnya di bandar dan pinggir bandar sentiasa berada dalam keadaan baik serta tidak tersumbat dengan sampah sarap.

"Saya melihat bencana bukan saja daripada aspek kerosakan yang dibawa tetapi juga daripada sudut positif, yang mana ia adalah peluang untuk kita belajar, mengambil pengajaran dan iktibar supaya kita lebih bersedia serta berdaya tahan pada masa hadapan," katanya.

Perdana Menteri memaklumkan, beliau juga sudah mengarahkan NADMA mempercepat penggubalan Akta Pengurusan Bencana, selain akan memanggil mesyuarat membabitkan Menteri Besar, Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil kerajaan negeri untuk membuat perancangan jangka panjang yang menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir.



Ismail Sabri (kiri) mendengar penerangan Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang (kanan) mengenai sistem ramalan dan amaran banjir pada lawatan kerja ke Pusat Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (PRABN) di Kompleks Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) Ampang, Kuala Lumpur pada 31 Disember lalu. -
Foto fail BERNAMA